

30/03/2004

Ku Zahir johan Sayembara Mencipta Lagu Puisi VI

Nazmi Yaakub

LAGU ciptaan Ku Zahir Ku Ahmad berdasarkan puisi Lim Swee Tin, Bila Langit Tak Lagi Biru, muncul johan pada Sayembara Mencipta Lagu Puisi VI, di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Pengarah Muzik dalam persembahan teater tempatan seperti Akulah Perempuan Itu, Tengku Anum dan Mencari Juita itu membawa pulang wang tunai RM 6,000, trofi dan sijil.

Beliau yang berkhidmat sebagai ahli muzik di Istana Budaya sejak 1990 dan pernah menimba pengalaman baru dengan komposer terkenal seperti Pak Ngah, S Atan dan Ramli M S.

Ku Zahir juga pernah mengadakan persembahan di Eropah, Asia Barat, Asia Timur dan Afrika Selatan serta bertindak sebagai Pengarah Muzik pada Malam Jasamu Dikenang untuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Lagu beliau dinyanyikan Khairulizam Abd Rahman atau K Rahman yang turut merangkul anugerah Persembahan Penyanyi Terbaik dan membolehkannya membawa pulang RM2,000.

Pensyarah Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Mohd Hafiz Askiak meraih tempat kedua lewat lagunya bersandarkan puisi Jeniri Amir, Kehilangan dan melayakkannya menerima wang tunai RM5,000, trofi dan sijil.

Dengan kemenangan itu Mohd Hafiz terpilih sebagai salah seorang daripada tiga pencipta lagu terbaik selama empat tahun berturut-turut iaitu Naib Johan Sayembara Lagu Puisi III (2001), IV (2002) dan ketiga (2003).

Beliau yang menyanyikan sendiri lagu itu, berpengalaman luas dalam bidang muzik dan antara lagu ciptaannya termasuklah lagu klip video lawatan Dr Mahathir ke Kucing pada 2000.

Zuliana Mamat yang pertama kali menyertai sayembara ini, mempertaruhkan lagu bersandarkan puisi, Seperti Tikaman, karya Lim Swee Tin dan membawa pulang RM 4,000, trofi dan sijil.

Beliau memulakan kerjaya muzik di hotel dan kelab malam di Ipoh dan Kuala Lumpur, selain aktif dengan Badan Seni Budaya dan Badan Bangsawan Sri Perak.

Zuliana yang mendendangkan sendiri lagu Seperti Tikaman pernah merakam album dan diterbitkan komposer Awang BPR, berduet dalam album Jaafar Onn, Sambal Belacan (1995) dan album Allahyarham M Shariff (1996).

Tujuh lagi peserta peringkat akhir yang menerima wang tunai RM 1,000 ialah Ennie Sulastri Abu Hamid dengan lagu puisi Mimpi, Errie Naham Abu Hamid (Lata Berkoh dan Menanti), Md Said Bidin (Beta Melukis), Suzie Khor Siew Lee (Malam Pengantin), Badrul Hisham Abdul Hamid (Di Tengah Padang Terbuka) dan Nik Nizam Jaafar (Cermin).

Panel hakim sayembara kali ini diketuai Ishak Ali Muda dan mengadilinya bersama Siti Hajar Ismail, Azmir, A Rahim Abdullah dan Usop Koprata.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu, Tan Sri Engku Ibrahim Engku Ngah dan turut hadir ialah Pengarah Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Abdul Rahman Yusof.

Sayembara Mencipta Lagu Puisi VI menerima 30 lagu daripada 24 penggubah lagu dari seluruh negara dan daripada jumlah itu, 10 lagu berjaya ke peringkat akhir.

Sayembara anjuran DBP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), bertujuan menggalakkan penciptaan dan penyebaran lagu puisi di kalangan khalayak.